



**MAKLUMBALAS KEPADA CADANGAN PENAMBAHBAIKAN  
KAJIAN KEPUASAN BEKERJA WARGA JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)  
TAHUN 2012**

**MAKLUMBALAS KEPADA CADANGAN PENAMBAIKAN KAJIAN KEPUASAN BEKERJA WARGA JANM TAHUN 2012**

<b>Bil</b>	<b>Cadangan penambahbaikan / Perkara</b>	<b>Maklumbalas Cadangan</b>
1.	Mengurangkan nisbah mesin pencetak di antara pegawai dan penggantian bagi yang telah rosak dan terlalu lama.	i) Pengagihan pencetak adalah diselaraskan mengikut pengagihan pencetak yang digariskan dalam DKICT JANM (Lampiran 1, item 2.2.3, muka surat 90). ii) Pengagihan juga adalah berdasarkan lokasi pengguna. Sebagai contoh, pengguna yang berkongsi bilik akan dibekalkan dengan 1 unit pencetak. Manakala pengguna yang berada di dalam kawasan <i>partition</i> akan dibekalkan dengan pencetak yang berkapasiti lebih tinggi dan nisbah pengguna dengan pencetak adalah lebih kurang 1 : 10. iii) Penggantian mesin pencetak akan dilaksanakan tahun 2013.
2.	Komputer yang terlalu lama atau ketinggalan zaman perlu dilupuskan dan setiap komputer perlu dikemaskini dengan antivirus terkini.	i) Penggantian komputer yang telah berusia melebihi 5 tahun di JANM Ibu Pejabat dan cawangan akan dilaksanakan pada tahun 2013 iaitu dijangka bermula pada pertengahan bulan Ogos 2013. ii) Semua komputer tersebut akan dipasang dengan antivirus terkini (PANDA) iii) Tindakan pelupusan PC dilaksanakan dari masa ke semasa oleh JANM Negeri/ Cawangan.
3.	Pembelian perabot baru yang telah uzur dan terlalu lama serta kelengkapan pejabat yang diperlukan.	i) Pelupusan perabot seperti kerusi uzur sedang diuruskan untuk dilupuskan. ii) Penggantian kepada kerusi baru bagi pegawai-pegawai sokongan di sesetengah Bahagian yang berkaitan telah dilaksanakan pada akhir tahun 2012 dan seterusnya akan dilaksanakan kepada kumpulan pegawai yang berikutnya dijangka pada bulan September setelah proses pelupusan berjaya disempurnakan pada bulan Jun 2013.
4.	Mesin fotostat yang sering rosak dan perkhidmatan servis penyelenggaraan yang lambat serta tidak diganti perlu dilaporkan kepada syarikat penyelenggara yang terlibat dan bagi yang telah tamat kontrak boleh tukar kepada syarikat yang lain. Kemudahan mesin fotostat yang terhad di mana tiada di setiap aras.	i) Mesin fotostat yang lama dalam proses untuk pelupusan disebabkan kos penyelenggaraan baik pulih yang tinggi. ii) Jabatan telah menyewa mesin fotostat di beberapa tingkat di Bahagian/Pejabat yang berkaitan bagi mengatasi masalah kemudahan mesin fotostat yang terhad di setiap aras. Di samping itu, Jabatan juga sedang dalam proses memuktamadkan sebut harga bagi penyewaan mesin

Bil	Cadangan penambahbaikan / Perkara	Maklumbalas Cadangan
		fotostat di semua Bahagian Ibu Pejabat termasuk IPN dan dijangka syarikat yang dipilih dapat memberikan perkhidmatan dengan lebih baik.
5.	Penggantian penghawa dingin yang didapati telah rosak atau kurang sejuk.	Permohonan penggantian penghawa dingin dan kelengkapan pejabat JANM Negeri/ Cawangan melalui bajet 2014.
6.	Masalah kekurangan tempat letak kereta.	<p>i) Masalah tempat letak kereta adalah masalah yang semakin meruncing bukan sahaja di JANM malah hampir di kesemua jabatan kerajaan. Di JANM (Ibu Pejabat) hanya mempunyai 242 petak tempat letak kereta untuk keseluruhan 500 pegawai. Ia telah diagihkan mengikut kuota di bahagian masing-masing. Bilangan tempat letak kereta ini tidak dapat ditambah untuk menampung jumlah pegawai yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Walaubagaimana keputusan mesyuarat pengurusan JANM Bil.7/2013 telah memutuskan agar dibuat agihan semula parkir mengikut gred jawatan.</p> <p>ii) Bagi kemudahan parkir berbayar, Bahagian yang terlibat telah membayar tuntutan bayaran balik parkir kepada pegawai-pegawai seperti di UAD yang terlibat dengan tugas-tugas pengauditan.</p>
7.	Pewujudan jawatan pemandu serta penyusunan semula struktur Bahagian bagi mengatasi masalah kekurangan kenderaan rasmi jabatan dan pemandu. Urusan naziran terpaksa dilaksanakan dengan menggunakan kenderaan sendiri.	<p>Permohonan bajet untuk penggantian kenderaan jabatan telah dibuat untuk tahun 2014. Tambahan jawatan Pemandu telah diambil kira dalam cadangan pengukuhan perjawatan bagi JANM Negeri.</p> <p>JANM Negeri sentiasa mengambil langkah sewajarnya dalam menyusun atur jadual pergerakan kenderaan berserta pemandu bagi pegawai menjalankan tugas-tugas rasmi seperti naziran, lawatan inspektorat WTD di mana lokasi PTJ / syarikat berbeza dan jauh juga bagi pegawai menghadiri mesyuarat/ taklimat/kursus di luar. Walaupun pegawai diarah menggunakan kenderaan sendiri, pegawai boleh membuat tuntutan perjalanan dan layak dibayar mengikut had kelayakan masing-masing.</p>
8.	Kurang bahan rujukan di perpustakaan.	Dicadangkan untuk diletakkan di bawah IPN CPD dan dipindahkan ke Pejabat CPD di Cyberjaya apabila pejabat berkenaan yang dijangka akan beroperasi pada akhir tahun 2013.

<b>Bil</b>	<b>Cadangan penambahbaikan / Perkara</b>	<b>Maklumbalas Cadangan</b>
9.	Kafeteria didapati kurang kepelbagaian menu dan didapati kurang bersih.	Surat peringatan tentang mutu makanan dan mutu perkhidmatan telah dikeluarkan selain memanggil Perbadanan Putrajaya dan Unit Kawalan Vektor Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjalankan pemeriksaan kebersihan kafeteria. Sehingga kini, keadaan kafeteria dan pengusahaan kafeteria akan sentiasa dipantau oleh KESAN dari masa ke masa.
10.	Jimnasion perlu dijaga dan perlu ada pegawai yang bersesuaian untuk memantau penggunaan jimnasion memandangkan lokasi yang agak tersorok membahayakan untuk pengguna wanita khususnya.	Perkara ini sedang dalam perbincangan dan KESAN telah mengemukakan permohonan peralatan jimnasion kepada Perbendaharaan Malaysia pada 21 Jun 2013. Lokasi dan pegawai yang bersesuaian akan dibincangkan dari masa ke masa.